

Perkongsian Kepakaran UMP bersama UniKL



Pekan, 22 Mac – Seramai 14 orang staf Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mengadakan lawatan ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi menanda aras pelaksanaan sistem akademik dan pembangunan mahasiswa universiti. Delegasi ini disambut oleh Pengarah Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (CiReL), Dr. Adzhar Kamaludin diiringi Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, Roslan Awang Abdul Rahman dan Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik, Arman A. Rahim di Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak baru-baru ini. Pihak UniKL diketuai oleh Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan Akademik, Ashárah Badarudin.



“UMP turut berkongsi maklumat mengenai *Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA)* atau Purata Penilaian Gred Kumulatif Bersepadu yang dimulakan sejak tahun lalu. UMP bertuah kerana dipilih menjadi salah satu IPTA dalam meneraju pelaksanaan iCGPA ini,” katanya.

Melalui iCGPA ini, pelajar bukan hanya diukur dari sudut pemikiran semata, malah mengambil kira pencapaian pelajar dalam kemahiran insaniah dan interpersonal seperti kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, penghayatan nilai pembelajaran sepanjang hayat, penerapan nilai etika dan kemasyarakatan serta berciri keusahawanan. Semua pencapaian ini digembeling melalui struktur kurikulum yang mantap yang dilaksanakan di dalam setiap program yang ada di universiti.



Begitu juga dengan Sistem Profil Pelajar (SPS) yang dilaksanakan bukan sahaja dapat melihat pencapaian akademik malahan mengiktiraf pencapaian pelajar melalui aktiviti-aktiviti luar serta program-program kemasyarakatan. Melalui sistem profil, UMP dapat menyediakan gambaran yang lebih baik karakter seorang pelajar tersebut kepada industri yang bakal mengambil pelajar tersebut bekerja kelak.

Kunjungan delegasi UniKL kali ini memberi peluang UMP berkongsi pengetahuan tentang system E-Dashboard dan Portal e-Community universiti serta berkaitan pengurusan akademik termasuklah peperiksaan, konvokesyen, TVET, e- learning dan kokurikulum.

Disediakan oleh Nor Salwana Mohd. Idris dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 24-03-2016, 16:15:38